

Analisis terhadap Statistik Kanak-Kanak yang Memerlukan Pemeliharaan & Perlindungan di Malaysia

Analisis bhg. 2 - Jenis Kes dan Statistik Penderaan dan Pengabaian Kanak-Kanak



Jenis Kes Kanak-kanak yang Memerlukan Pemeliharaan dan Perlindungan

Pengertian kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan adalah mengikut pengertian yang termaktub di dalam Akta Kanak-Kanak 2001, Bahagian V, Bab 1 yang merangkumi Seksyen 17 (1) (a) sehingga (k). Melalui pembahagian ini, laporan ini telah mengelaskan jenis kes berikut kepada 6 sebagaimana yang ditunjukkan di dalam Jadual 1 di bawah.

Jenis Kes	Rujukan dari Laporan JKM
Penderaan Fizikal	Seksyen 17(1)(a)i. Fizikal dan Seksyen 17(1)(b)i. Fizikal
Penderaan Emosi	Seksyen 17(1)(a)ii. Emosi dan Seksyen 17(1)(b)ii. Emosi
Penderaan Seksual	Seksyen 17(1)(a)iii. Seksual Seksyen 17(1)(b)iii. Seksual
Pengabaian Pengawasan	Seksyen 17(1)(c)
Pengabaian Hak Asasi	Seksyen 17(1)(d)
Lain-Lain Pengabaian	Seksyen 17(1)(e) hingga Seksyen 17(1)(k)

Jadual 1: Jenis Penderaan Kanak-Kanak

Menurut Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Negara, penderaan kanak-kanak didefinisikan sebagai satu pencabulan atau pelanggaran yang serius terhadap hak kanak-kanak untuk berkembang dalam keadaan sihat dan bermaruah di samping menyebabkan risiko dalam kelangsungan hidup mereka. Dasar ini juga menggariskan empat jenis penderaan kanak-kanak iaitu penderaan fizikal, penderaan emosi, penderaan seksual serta pengabaian.




Penderaan fizikal membawa maksud apabila seseorang kanak-kanak yang dicederakan dari segi fizikal menyebabkan kecederaan tersebut boleh dilihat pada mana-mana bahagian tubuh kanak-kanak itu akibat kekerasan atau penggunaan agen yang disengajakan kepada tubuh kanak-kanak itu (Akta Kanak-Kanak 2001).

Penderaan emosi pula didefinisikan apabila seseorang kanak-kanak yang dicederakan dari segi emosi yang menyebabkan gangguan yang boleh dilihat pada fungsi mental atau emosi kanak-kanak itu seperti kecelaruan mental atau tingkah laku, keresahan, kemurungan, penyendirian dan perkembangan lambat (Akta Kanak-kanak 2001).

Penderaan seksual didefinisikan apabila seseorang kanak-kanak teraniaya dari segi seks jika dia mengambil bahagian, sama ada sebagai peserta atau pemerhati, dalam apa-apa aktiviti yang berunsur seks bagi apa-apa maksud atau eksloitasi seks oleh mana-mana orang bagi memuaskan nafsu seks orang itu atau orang lain. (Akta Kanak-kanak 2001).

Pengabaian pengawasan merangkumi kegagalan ibu bapa atau penjaga untuk menjalankan pengawasan dan pengawalan yang sepatutnya ke atas kanak-kanak menyebabkan kanak-kanak mula terlibat dalam pergaulan tidak sihat (Akta Kanak-kanak 2001).

Pengabaian Hak Asasi pula merangkumi kegagalan ibu bapa atau penjaga untuk menyediakan keperluan hak asasi termasuk pemeliharaan, makanan, pakaian dan tempat berteduh yang mencukupi untuk kanak-kanak. (Akta Kanak-kanak 2001)



Seterusnya, kes-kes pengabaian yang tergolong di dalam kelas lain-lain pengabaian seperti yang dinyatakan di dalam Akta Kanak-Kanak 2001 merangkumi:


- i. Kanak-kanak yang tidak mempunyai ibu bapa atau penjaga sama ada telah dibuang, dan selepas siasatan ibu bapa tidak ditemui dan tiada orang lain yang sesuai sanggup dan berupaya menjaga kanak-kanak tersebut.
- ii. Pengabaian oleh ibu bapa dan penjaga terhadap pemulihan dan pemeliharaan kesihatan kanak-kanak.
- iii. Kanak-kanak yang berkelakuan dengan cara yang mungkin memudaratkan dirinya, dan tiada ibu bapa atau penjaga yang berupaya mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memperbaiki keadaan tersebut
- iv. Hubungan kekeluargaan yang terganggu akibat pertelingkahan antara kanak-kanak dan ibu bapa atau penjaga yang menyebabkan kanak-kanak itu mengalami kecederaan emosi
- v. Ibu bapa/ penjaga kanak-kanak yang telah terlibat dalam melakukan kesalahan dalam Jadual Pertama Akta Kanak-kanak 2001.
- vi. Kanak-kanak yang didapati berada di mana-mana jalan, premis atau tempat untuk tujuan meminta sedekah atau menjalankan penjajaan yang menyalahi undang-undang, loteri haram, perjudian atau aktiviti lain yang menyalahi undang-undang yang memudaratkan kesihatan dan kebajikan kanak-kanak tersebut.



Statistik Penderaan dan Pengabaian Kanak-Kanak

Menurut Laporan JKM dari tahun 2016 hingga 2018, Pengabaian Hak Asasi merekodkan jumlah bentuk pengabaian yang tertinggi berbanding kategori penderaan dan pengabaian yang lain (Carta 5) Pengabaian ini merangkumi kegagalan ibu bapa atau penjaga kanak-kanak untuk menyediakan keperluan hak asasi seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan hak pemeliharaan.


Antara faktor yang menyebabkan berlakunya pengabaian hak asasi ini termasuklah konflik keluarga, masalah kewangan, ibu bapa yang terlibat dengan penagihan dadah dan arak serta masalah mental.



Carta 5: Statistik Kanak-Kanak Memerlukan Pemeliharaan & Perlindungan 2016 – 2018:
Kategori Bentuk Penderaan dan Pengabaian Mengikut Jantina.

Selain itu, penderaan fizikal dan penderaan seksual juga mencatatkan jumlah penderaan yang tinggi sepanjang tempoh 3 tahun tersebut. Carta 6 memaparkan analisis penderaan fizikal mengikut jantina dari tahun 2013 hingga 2018 yang menunjukkan trend peningkatan sebanyak 7% pada tahun 2014. Ia kemudiannya menurun sebanyak 5% pada 2015, namun naik dengan mendadak sekitar 12% pada 2016 dan terus meningkat sebanyak 25% pada 2017.

Penderaan Fizikal



Carta 6:
Statistik Penderaan Fizikal Mengikut Jantina 2013-2018


Kanak-kanak lelaki merekodkan kes penderaan fizikal yang lebih tinggi berbanding kanak-kanak perempuan pada setiap tahun kecuali pada 2013 dan 2015 yang mencatatkan perbezaan yang hampir sama. Peratus perbezaan ini adalah 11% lebih tinggi dari kanak-kanak perempuan pada tahun 2014, 14% dan 15% pada 2017 dan 2018, serta mencatatkan jurang paling tinggi sebanyak 31% pada 2016.

“kanak-kanak lelaki lebih cenderung untuk mengalami penderaan fizikal berbanding kanak-kanak perempuan”

Tiada kajian khusus yang dijalankan untuk melihat apakah faktor yang mendorong kanak-kanak lelaki lebih cenderung untuk mengalami penderaan fizikal berbanding kanak-kanak perempuan, walaupun terdapat hipotesis bahawa kanak-kanak lelaki adakalanya lebih agresif dan boleh menyebabkan pemangsa bertindak di luar kawalan (Mohd Salleh et al, 2018). Manakala satu kajian lain oleh University of Washington melaporkan bahawa kanak-kanak lelaki mempunyai kecenderungan untuk mengalami penderaan fizikal sebanyak tiga kali ganda bilamana ibunya sendiri mengalami keganasan rumah tangga (Schwarz, 2000).

Penderaan Seksual

Selain penderaan fizikal, penderaan seksual turut menunjukkan bilangan kes yang tinggi untuk tempoh 5 tahun, terutama bagi kanak-kanak perempuan. Saban tahun lebih dari 90% penderaan seksual melibatkan kanak-kanak perempuan.



Carta 7: Statistik Penderaan Seksual Kanak-Kanak 2013 - 2018

“Saban tahun lebih 90% penderaan seksual melibatkan kanak-kanak perempuan”


Statistik pada Carta 5 turut menunjukkan kes penderaan seksual khususnya terhadap kanak-kanak perempuan mencatatkan rekod kes tertinggi, mengatasi kes penderaan dan pengabaian yang lain. Justeru perhatian khusus amat perlu diberikan bagi membendung peningkatan ini.

Di seluruh dunia di mana terdapat sekurang-kurangnya 120 juta kanak-kanak perempuan di bawah usia 20 tahun, dianggarkan sekitar 1 dari setiap 10 kanak-kanak perempuan pernah dipaksa dan dieksplorasi secara seksual, walaupun angka sebenar dijangkakan lebih tinggi (Unicef, 2021). Keadaan ini diperburukkan lagi dengan perkembangan internet dan ledakan teknologi maklumat yang mendedahkan kanak-kanak dengan lebih meluas kepada pemangsa di atas talian. “Children sexual grooming” adalah satu isu penting yang memerlukan perbincangan serius, tetapi tidak termasuk di dalam laporan ini.

Data Mengikut Kaum

Secara umumnya, Jabatan Perangkaan dan Statistik Malaysia membahagikan rakyat Malaysia kepada 4 kumpulan kaum utama; Bumiputera (69.6%), Cina (22.6%), India (6.8%) dan lain-lain 1% (DOSM, 2020). Bumiputera pula terdiri daripada kaum Melayu yang majoritinya tinggal di Semenanjung Malaysia merangkumi 63.1%, kaum Iban di Sarawak sebanyak 30.3% dan Kadazan/Dusun di Sabah sebanyak 24.5%.

Jabatan Kebajikan Masyarakat pula mengkategorikan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan kepada 7 kumpulan etnik. Ianya merangkumi Melayu, Cina, India, Orang Asal Semenanjung, Orang Asal Sarawak, Orang Asal Sabah dan Lain-lain (Carta 8).



Carta 8: Statistik Kanak-Kanak Memerlukan Pemeliharaan dan Perlindungan 2016-2018: Mengikut Bentuk Penderaan dan Pengabaian (Peratus Mengikut Bangsa)

Kaum Melayu merekodkan peratusan tertinggi kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan. Bagi penderaan fizikal, jumlah ini meningkat dari 64% pada 2016 kepada 69% pada 2017 dan meningkat 1% lagi pada 2018 menjadikannya 70%. Begitu juga penderaan emosi yang meningkat dari 69% pada 2016 kepada 83% pada 2018. Walaupun trend penderaan seksual kaum Melayu menurun dari 77% pada 2018 kepada 75% pada 2018, kaum Melayu masih merekodkan kadar kes tertinggi berbanding kumpulan kaum yang lain. Trend yang sama juga dapat dilihat bagi kategori pengabaian pengawasan, pengabaian hak asasi dan lain-lain.

Selain itu, trend yang ditunjukkan oleh kanak-kanak dari kaum India juga membimbangkan. Bagi penderaan fizikal, kanak-kanak dari kumpulan kaum India merangkumi 19% dari keseluruhan kes pada 2016 dan 14% pada 2017 dan 2018. Kanak-kanak dari kumpulan kaum India juga mencatatkan angka kes yang tinggi bagi kategori pengabaian pengawasan iaitu sebanyak 14% pada 2016, 11% pada 2017 dan 10% pada 2018. Kanak-kanak berbangsa India juga merekodkan peratusan yang tinggi bagi penderaan seksual dan pengabaian hak asasi. Angka-angka peratusan ini dikira tinggi memandangkan kaum India hanya merangkumi 6.8% dari rakyat Malaysia.

Berbanding dengan kanak-kanak bumiputera Sarawak, kanak-kanak kumpulan bumiputera Sabah lebih terdedah kepada bentuk penderaan dan pengabaian, terutama penderaan seksual yang menunjukkan trend yang meningkat iaitu 2% pada 2016, 8% pada 2017 dan 7% pada 2018. Pengabaian hak asasi juga meningkat dari 4% pada 2016 dan 2017 kepada 6% pada 2018.

Adalah penting untuk memahami trend data kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan mengikut kaum dan kaitannya dengan sosio-ekonomi dan ethnografi kaum di Malaysia supaya intervensi yang lebih terfokus dapat dicadangkan.

